

NAMA :

TINGKATAN :

LATIHAN PENGUKUHAN PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 4

UNIT 9 : PERPADUAN MASYARAKAT ASAS KEMAKMURAN NEGARA

SOALAN 1

Jawab soalan-soalan di bawah dengan pilihan jawapan yang betul.

1. Maksud perpaduan masyarakat ialah

- A. Masyarakat yang taat kepada negara.
- B. Masyarakat yang tidak melakukan jenayah.
- C. Masyarakat yang bersatu padu membentuk identiti dan nilai bersama.
- D. Masyarakat yang berkomunikasi menggunakan Bahasa yang sama.

2. Apakah kepentingan mengekalkan perpaduan masyarakat?

- I. Menjadikan rakyat yang mementingkan diri
 - II. Rakyat dapat hidup dalam keadaan harmoni dan sejahtera.
 - III. Mengekalkan kedaulatan dan keselamatan negara
 - IV. Menjadikan negara dipandang rendah
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

3. Antara berikut, yang manakah dimaksudkan dengan menerima kepelbagaian dalam masyarakat?

- A. Bersikap amanah dan jujur
- B. Berfikiran rasional
- C. Menghargai keluarga
- D. Bersikap terbuka dan bertoleransi

4. Pernyataan di bawah merujuk kepada

- Menghadiri rumah terbuka
- Membantu mangsa bencana
- Menyokong pasukan negara

- A. Peranan agensi kerajaan untuk memupuk perpaduan.
- B. Program sekolah
- C. Contoh amalan perpaduan yang boleh menyatukan masyarakat.
- D. Cabaran membentuk amalan perpaduan dalam masyarakat.

5. Apakah aktiviti kesukanan yang dapat memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat?

- I. Mengibarkan jalur gemilang
 - II. Rondaan di kawasan kejiranan
 - III. Menyokong pasukan negara dalam apa jua acara sukan
 - IV. Pasukan bola sepak yang mempunyai pemain pelbagai kaum
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

SOALAN 2 :

Isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan dengan contoh amalan perpaduan dan cabaran dalam membentuk amalan perpaduan di Malaysia.

- a) Bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan jiran tetangga, kita boleh melakukan _____ di kawasan kediaman untuk menjaga keselamatan.
- b) Rakyat Malaysia seharusnya tidak memainkan isu sensitif seperti _____ kerana ia dapat menggugat keamanan negara.
- c) Sokongan kepada atlit negara di temasya sukan seperti OLIMPIK 2020 di Jepun menunjukkan semangat perpaduan dari segi _____.
- d) Menghadiri rumah terbuka semasa perayaan dapat _____ rakyat dari pelbagai kaum, bangsa, dan juga agama.
- e) Kita seharusnya _____ dan menerima kepelbagaian yang ada dalam negara Malaysia termasuklah kepelbagaian bahasa dan adat budaya.
- f) Aktiviti _____ seperti membantu mangsa bencana alam, melakukan khidmat komuniti dan gotong royong dapat menyatupadukan rakyat Malaysia.
- g) Setiap tahun, hari Kemerdekaan akan disambut dengan meriah dan penuh kebanggaan seperti mengibarkan _____ dan menyanyikan lagu-lagu patriotik.
- h) Bahasa Melayu adalah bahasa _____ yang mana dapat menyatukan semua rakyat Malaysia tidak kira bangsa atau agama.
- i) Semua rakyat di Malaysia seharusnya tidak menyebarkan berita _____ di media sosial seperti isu perkauman dan _____.
- j) Sikap prejudis dan _____ terhadap kaum dan bangsa lain akan memecah belahkan perpaduan rakyat di Malaysia.

SOALAN 3 :

Suai padankan gambar agensi kerajaan di bawah dengan peranan masing-masing.



Meningkatkan kefahaman, sokongan, keyakinan dan penglibatan masyarakat terhadap dasar dan program kerajaan.



Memantapkan usaha memulihara, mengekal, mengembang dan menyemarak seni budaya warisan bangsa.



Memelihara, mengekal dan meningkatkan perhubungan kaum ke arah perpaduan nasional.



Menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan dan muhibah.